

**Majlis Profesor Negara Perlu Bantu Jelas Isu Lynas  
Bernama  
29 Mac, 2012**

PUTRAJAYA, 29 Mac (Bernama) -- Majlis Profesor Negara (MPN) perlu tampil membantu kerajaan menjelaskan kekeliruan rakyat mengenai isu-isu berbangkit seperti isu kilang pemrosesan nadir bumi Syarikat Lynas Corporation Ltd di Gebeng, Kuantan.

Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata memandangkan MPN dianggotai ahli akademik dan pakar dalam sesuatu bidang, mereka perlu memperlihatkan peranan sebagai badan pemikir kepada masyarakat.

"Penglibatan mereka tidak dapat dielakkan kerana dengan ilmu yang ada ia dapat membantu rakyat mengetahui perkara sebenar dan terus tidak terpengaruh dengan usaha pihak tertentu yang mengeksplotasi isu tersebut," katanya.

Selagi rakyat masih keliru dengan isu Lynas bermakna peranan yang dimainkan MKN belum cukup meluas, katanya kepada pemberita selepas sesi dialog bersama MPN dan menyampaikan watakah pelantikan barisan Exco baru MPN bagi 2012 hingga 2014 di sini Khamis.

Isu kilang itu mencetuskan kontroversi apabila beberapa pihak membantah pembinaannya yang dikatakan bakal menghasilkan radiasi yang boleh memudaratkan kesihatan orang ramai.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655826>